



Pengeluar Alkohol Terkemuka Menyumbang kepada Matlamat Global PBB bagi Mengurangkan Separuh Daripada Kematian Akibat Kemalangan Jalan Raya Menjelang 2020

WASHINGTON, 24 Mei 2016/PRNewswire/ --

The International Alliance for Responsible Drinking (*Perikatan Antarabangsa bagi Amalan Minum secara Berhemah*) (IARD) hari ini menyiarkan *Ringkasan Laporan Inisiatif Pemanduan dalam keadaan Mabuk 2015*, mengetengahkan perkembangan komitmen kolektif antara pengeluar bir, wain dan minuman keras terkemuka di peringkat global bagi mengurangkan amalan memandu dalam keadaan mabuk. Laporan ini adalah hasil usaha yang telah lama dibuat bagi mengurangkan tabiat minum yang memudaratkan melalui [Komitmen Pengeluar Bir, Wain dan Minuman Keras](#). Menyedari kesan serius yang timbul daripada penggunaan alkohol yang memudaratkan, kesemua pengeluar ini berharap dapat menunjukkan sokongan mereka terhadap usaha yang dilakukan di peringkat antarabangsa bagi meningkatkan kesihatan dan tabiat sosial setiap individu, keluarga dan masyarakat melalui Komitmen mereka.

Laporan ini turut menggariskan kejayaan yang dicapai sejak enam tahun lalu. Satu siri program perintis yang berjaya turut diadakan yang bertujuan untuk mengurangkan amalan memandu dalam keadaan mabuk di China, Colombia, Mexico, Nigeria, Rusia, dan juga Vietnam. [IARD, selaku Sekretariat bagi Komitmen tersebut](#), mula menukarkan program ini kepada program-program berpembiayaan tempatan. Pada tahun 2015, usaha ini telah diperluaskan bersama pihak berkepentingan di kawasan setempat dengan tujuan untuk mengurangkan kemalangan jalan raya akibat alkohol di empat buah negara baharu iaitu: Kemboja, Republik Dominican, Namibia dan juga Afrika Selatan. Bagi memperlihatkan kepentingan kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan dalam mewujudkan program yang berkesan, inisiatif ini mencerminkan hasil kerja yang dilaksanakan dengan kerjasama pihak kerajaan tempatan, pihak polis, NGO dan pihak berkepentingan lain bagi memastikan kecekapan dan pengekalan program.

Carlos Brito, Ketua Pegawai Eksekutif AB InBev, Pengerusi Ketua Pegawai Eksekutif berkata, “kami bukan sekadar melaporkan tahap kesedaran yang tinggi bahkan pencapaian sasaran pengurangan amalan memandu dalam keadaan mabuk dalam negara-negara yang mempunyai program memandu dalam keadaan mabuk yang sudah mantap. Melalui program yang digariskan dalam laporan ini, IARD dan rakan kerjasama kami memberi tumpuan

kepada pembangunan kapasiti dan kepemunyaan negara bagi memastikan program ini kekal dilaksanakan dalam tempoh yang panjang.”

Kejayaan kesemua program ini mencerminkan matlamat Komitmen ini dalam mengurangkan tabiat memandu dalam keadaan mabuk, dan untuk turut menyumbang terhadap sasaran tinggi yang ditetapkan oleh Dekad Tindakan untuk Keselamatan Jalan Raya PBB, bagi mengurangkan kadar kematian dan kecederaan akibat kemalangan jalan raya sebanyak separuh menjelang tahun 2020. Sorotan penting program negara termasuk:

- Di **Kemboja**, pengurangan 23% kemalangan yang berpunca daripada memandu dalam keadaan mabuk semasa Pesta Air.
- Di **China**, IARD kini beroperasi di 13 bandar dan Oktober 2015 diisytiharkan sebagai Hari Minum Secara Berhemah Kebangsaan pertama di China.
- Di **Namibia**, program DUI yang diadakan bagi meningkatkan kesedaran, mencapai kemuncaknya dengan semakan semula undang-undang untuk membenarkan ujian nafas pada Disember 2015.
- Di **Afrika Selatan**, program Pendidikan Percuma Golongan Muda (YFE) di Rhodes University melancarkan Piagam Hak dan Tanggungjawab Pelajar yang pertama pada Oktober 2015.

Sebagai usaha untuk mengubah tabiat, IARD dan anggota syarikatnya memahami bahawa kesedaran sahaja tidak memadai, dengan itu terus memberi sokongan kepada pendekatan berasaskan bukti bagi mencegah amalan memandu dalam keadaan mabuk, termasuk memperkenalkan had maksimum BAC, mempertingkatkan penguatkuasaan, melaksanakan pelesenan berkelulusan dan dasar toleransi sifar, selain menyokong khidmat kaunseling, penggantungan lesen dan peranti saling kunci.

Perhimpunan Agung PBB mengisytiharkan tempoh 2011-2020 sebagai Dekad Tindakan Keselamatan Jalan Raya, yang bertujuan untuk menstabilkan dan mengurangkan kadar ramalan kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh dunia.

“Matlamat Pembangunan Mampan PBB 3.6 menetapkan sasaran yang amat tinggi,” jelas **Ann Keeling, Ketua Pegawai Eksekutif IARD**. “Program amalan memandu dalam keadaan mabuk yang menjadi sebahagian daripada Komitmen Pengeluar adalah contoh yang menunjukkan sejauh mana industri minuman alkohol menangani cabaran kesihatan yang khusus ini. Kejayaan yang dicapai oleh SDG memerlukan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan bersama masyarakat awam, ahli akademik serta sektor swasta bagi menyokong pihak kerajaan dalam mengurangkan kadar kematian dan kecacatan melalui amalan keselamatan jalan raya yang lebih baik.”

Sebarang maklumat lanjut dan untuk membaca laporan penuh, sila layari:

<http://www.producerscommitments.org/>

Latar Belakang International Alliance for Responsible Drinking (IARD)

IARD ialah sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, khusus bagi menangani isu-isu kesihatan masyarakat awam global berkaitan tabiat minum yang memudaratkan dan menggalakkan tabiat minum secara berhemah. IARD menyokong pelaksanaan Strategi Global WHO bagi Mengurangkan Penggunaan Alkohol yang Memudaratkan dan peranan

penting yang dimainkan oleh pengeluar seperti yang dijelaskan oleh Negara Anggota termasuk sasaran global yang ditetapkan oleh kerajaan-kerajaan di dunia iaitu “sekurangkurangnya 10% pengurangan relatif terhadap penggunaan alkohol yang memudaratkan” menjelang tahun 2025.

12 pihak yang memeterai persetujuan terhadap Komitmen tersebut ialah: Anheuser-Busch InBev; Asahi Group Holdings; Bacardi; Beam Suntory; Brown-Forman Corporation; Carlsberg; Diageo; Heineken; Kirin Holdings Company; Molson Coors; Pernod Ricard; dan SABMiller.

Sebarang maklumat lanjut, sila hubungi: media@iard.org

+1-202-556-6970 (Washington, D.C.)

+32-471-611-373 (Brussels, Belgium)

Sumber: International Alliance for Responsible Drinking (IARD)